



**YB. SOON LIP CHEE**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang  
*Belia Dan Sukan*

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE  
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG  
PADA 21 FEBRUARI 2021**

**SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI PULAU PINANG**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) mencapai persetujuan untuk memberi kelonggaran kepada sektor sukan dan rekreasi dalam satu kenyataan media oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 19 Februari 2021.

Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyambut baik perkara tersebut serta akan mematuhi SOP dan tatacara yang digariskan oleh MKN dan KBS. Kelonggaran sektor sukan dan rekreasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh PKP:

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan fizikal seperti boling, renang, snuker, zumba, yoga dan sebagainya yang dijalankan di kawasan terbuka dan tertutup secara latihan bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri.
2. Aktiviti sukan dan rekreasi mestilah mematuhi penjarakan fizikal sebanyak 1 – 3 m.
3. Bagi operasi fasiliti / premis tertutup dan separa tertutup hendaklah mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi.
4. Penganjuran kejohanan/ pertandingan/ perlawanan persahabatan mengikut model Gelembung Sukan adalah TERHAD bagi penganjuran Liga Bolasepak Malaysia (MFL), Liga Hoki Malaysia (MHL) dan Liga Sepak Takraw (STL) sahaja tanpa kehadiran penonton.
5. Program Latihan Berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam MFL, MHL dan STL menggunakan model Gelembung Sukan (Sports Bubble: Home Based Training atau Camp Based Training).
6. Program Latihan Berpusat secara kuarantin yang sedia ada dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Majlis-Majlis Sukan Negeri dilaksanakan dengan konsep "Camp Based Training".

Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak dibenarkan di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh PKP:

1. Aktiviti bersentuhan fizikal dan permainan / perlawanan termasuk penganjuran kejohanan/pertandingan kecuali penganjuran Liga MFL, Liga MHL, Liga STL dan yang mendapat kelonggaran khas daripada KBS. Penganjuran kejohanan antarabangsa TANPA KEBENARAN daripada KBS.

2. Aktiviti massa yang melibatkan penyertaan orang ramai pada satu-satu masa seperti Fun Run, Fun Ride, marathon dan triathlon.
3. Aktiviti yang dijalankan di fasiliti dan premis yang tidak mempunyai kawalan penyeliaan.
4. Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan arahan pergerakan yang sedang berkuat kuasa kecuali mendapat kebenaran.

Selaras dengan pengumuman tersebut, meskipun ia merupakan satu berita gembira buat penggiat sukan, namun orang awam dan pengusaha-pengusaha diingatkan untuk mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi Protokol Am dan Protokol Am Pengurusan bagi tujuan panduan dan pematuhan yang telah ditetapkan oleh KBS bagi memastikan kebersihan dan keselamatan diri sendiri senantiasa terjamin.

#### Pembukaan taman-taman rekreasi di bawah seliaan PBT:

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum akan pertanyaan orang awam berhubung pembukaan taman-taman rekreasi di negeri Pulau Pinang untuk tujuan aktiviti sukan dan rekreasi.

Mengambil kira kelonggaran yang diberikan kepada sektor sukan dan rekreasi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa taman-taman rekreasi di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Taman Bandaraya (Youth Park) dan Taman Metropolitan di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO, Upcycle Park, Tekoma Park, One Baby One Tree Park Bandar Perda, Taman Rekreasi Pantai Robina, Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta Taman Botani di bawah seliaan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang adalah dibenarkan pembukaannya kepada individu untuk aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan dengan menjaga penjarakan sosial mulai 22 Februari 2021 (Isnin).

Namun, Vision Park dan Taman Bandar Ampang Jajar di bawah seliaan MBSP akan kekal ditutup.

Semua operasi fasiliti dan premis sukan dan rekreasi adalah dibenarkan beroperasi di bawah PKP mengikut SOP Sektor Sukan dan Rekreasi. Kapasiti penggunaan adalah tertakluk kepada pematuhan penjarakan fizikal 1 - 3m. Pembukaan adalah terhad kepada aktiviti sukan dan rekreasi tidak bersentuhan fizikal yang dijalankan di kawasan terbuka dan tertutup secara latihan bagi tujuan kesihatan, kecergasan dan kemahiran sendiri. Operasi adalah secara penjadualan, tempahan, kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi dan perlunya mematuhi waktu operasi yang ditetapkan.

Fasiliti / Premis sukan dibenarkan untuk beroperasi bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam atau tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.

### Latihan Kemahiran Kendiri Tanpa Sentuhan MSNPP:

Selaras dengan pengumuman pelanjutan PKP di negeri Pulau Pinang mulai 19 Feb – 4 Mac 2021, dan kelonggaran sektor sukan dan rekreasi oleh KBS pada 19 Feb 2021, semua jurulatih lantikan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) perlu mengambil maklum mengenai perkara Latihan Kemahiran Kendiri Tanpa Sentuhan dengan syarat yang ditetapkan oleh MSNPP.

Program latihan MSNPP adalah bermula pada 22 Februari 2021 (Isnin) bagi memastikan semua SOP adalah dipatuhi dan memberi ruang kepada pengusaha premis / jurulatih membuat persediaan awal dalam memastikan langkah pengawalan SOP dapat dipatuhi sepenuhnya ketika latihan mula dijalankan.

Persatuan Sukan Negeri yang berdaftar sebagai ahli gabungan di bawah MSNPP ataupun jurulatih yang dilantik atau diberi tanggungjawab oleh Persatuan Sukan Negeri untuk mengendalikan latihan untuk atlet negeri di bawah Persatuan Sukan Negeri / MSNPP yang bertanggungjawab perlu membuat permohonan melalui Borang Permohonan Penggunaan Tempat Dan Kemudahan Latihan MSNPP untuk penggunaan pusat latihan hak milik Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sebelum dibenarkan untuk mengguna kemudahan tersebut. Bagi pusat latihan hak milik lain, persatuan ataupun jurulatih perlu mendapatkan kebenaran dan kelulusan bagi penggunaan kemudahan / fasiliti daripada pengurusan premis / operator premis sebelum dibenarkan untuk menggunakan bagi latihan.

Selain itu, jurulatih-jurulatih, persatuan-persatuan dan atlet-atlet perlu mematuhi semua SOP lain yang disenaraikan oleh MKN, KBS dan MSNPP semasa pengendalian latihan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira pandangan rakyat negeri Pulau Pinang agar memastikan semua rakyat dapat bersukan dalam keadaan yang selamat dengan mengambil kira isu keseimbangan dalam aspek kesihatan awam. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon supaya rakyat negeri Pulau Pinang dapat bekerjasama dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KBS bagi membantu memutuskan rantai penularan pandemik Covid-19 ini.

**SOON LIP CHEE**

**EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG**